



GCC

Kod Amalan Am Pengguna

untuk Industri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

© **Forum Pengguna Komunikasi & Multimedia Malaysia Edisi 2024**

Maklumat dan bahan-bahan dalam penerbitan ini dilindungi di bawah hak cipta dan kecuali pada mana-mana yang dinyatakan sebaliknya, boleh diterbitkan semula untuk kegunaan bukan komersial, dengan syarat bahawa kebenaran secara bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada CFM dan maklumat dan bahan-bahan yang diterbitkan semula itu mestilah tepat dan tidak digunakan dalam konteks yang mengelirukan. Sekiranya apa-apa maklumat dan bahan-bahan dalam penerbitan ini diterbitkan semula, CFM sebagai sumber untuk maklumat dan bahan-bahan tersebut mestilah dikenal pasti dan status hak cipta diperakukan.

Kebenaran untuk menerbitkan semula ini tidak meliputi hak cipta untuk apa-apa maklumat atau bahan-bahan, kepunyaan mana-mana orang, organisasi atau pihak ketiga yang lain. Keizinan atau kebenaran yang sedemikian mestilah diperoleh daripada pemegang hak cipta yang berkenaan.

Dicetak oleh:

Youth Commerce

No. 29-1, Jalan Seri Rejang, Rampai Business Park,
Taman Seri Rampai, 53300, Setapak, Kuala Lumpur
enquiries@youthcommerce.com.my

**Kod Amalan Am Pengguna
untuk Industri Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

**Forum Pengguna
Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM)**

November 2022

KANDUNGAN

1	PENGENALAN	4
	1.1 Mukadimah	4
	1.2 Tujuan	5
	1.3 Liputan	5
	1.4 Takrifan dan Tafsiran	7
2	PRINSIP-PRINSIP ASAS	11
	2.1 Am	11
	2.2 Urusan dengan Pengguna	11
	2.3 Pengguna Berkeperluan Khas	12
3	MAKLUMAT UNTUK PENGGUNA	14
	3.1 Pengiklanan	14
	3.2 Penyediaan Maklumat	20
4	TERMA DAN SYARAT KONTRAK	23
	4.1 Sebelum Memasuki Sesuatu Kontrak	23
	4.2 Penyampaian Terma dan Syarat Kontrak	23
	4.3 Terma dan Syarat	23
	4.4 Terma dan Syarat Selain Daripada yang Bertulis	25
	4.5 Pindaan dan Pembaharuan	25
5	PENGEBILAN	27
	5.1 Prinsip Panduan	27
	5.2 Penyediaan Bil	28
	5.3 Kandungan	29
	5.4 Garis Masa untuk Pengeluaran Bil	30

5.5	Ketepatan Masa Caj Dibilkan	31
5.6	Pilihan Pembayaran	32
6	AMALAN KREDIT	34
6.1	Penilaian Kredit	34
6.2	Pengurusan Kredit	34
6.3	Agensi Pelaporan Kredit	36
7	ADUAN	37
7.1	Prinsip Am	37
7.2	Proses Pengendalian Aduan	37
7.3	Pengurusan Pengendalian Aduan	38
7.4	Pampasan.....	40
7.5	Pengekalan Rekod Aduan	41
7.6	Pengendalian Aduan dan Sekatan oleh CFM	41
7.7	Pemantauan ke atas Pembetulan Pelanggaran	42
7.8	Rujukan kepada MCMC	42
7.9	Audit oleh MCMC	42
8	URUSAN PENTADBIRAN	43
8.1	Pentadbiran oleh CFM	43
8.2	Pelaporan oleh CFM	43
8.3	Pemantauan Kod ini	44
8.4	Semakan kepada Kod ini	47
8.5	Pindaan kepada Kod ini	47
8.6	Kerahsiaan	47

1. PENGENALAN

1.1 Mukadimah

- 1.1.1 Kod ini menyatakan piawai yang boleh diterima dalam industri komunikasi dan multimedia, titik rujukan bagi Pengguna serta instrumen kawal selia sendiri bagi Pengamal Kod.
- 1.1.2 Walau apapun dalam Kod ini, tiada apa-apa dalam kandungannya yang bermaksud untuk mengehendkan atau mengecualikan, atau berniat mengehendkan atau mengecualikan, mana-mana hak atau remedi undang-undang, mana-mana Pengguna atau akses Pengguna kepada mahkamah atau mana-mana forum penyelesaian pertikaian lain yang sesuai.
- 1.1.3 Tiada apa-apa pun dalam Kod ini yang membatalkan atau mengehendkan kesan, atau kebergantungan pada:
- (a) mana-mana undang-undang bertulis atau garis panduan yang telah diluluskan yang meletakkan atas Pengamal Kod kewajipan yang lebih berat daripada kewajipan yang dikenakan di bawah Kod ini; dan/atau
 - (b) apa-apa terma dalam mana-mana perjanjian bertulis antara Pelanggan dan Pengamal Kod setakat mana terma itu:
 - (i) meletakkan kewajipan yang lebih berat atas Pengamal Kod daripada kewajipan yang dikenakan di bawah Kod ini; dan
 - (ii) menyediakan suatu remedi yang memberikan kelebihan kepada Pelanggan berbanding remedi-remedi yang disediakan di bawah Kod ini.
- 1.1.4 Kod ini hendaklah berkuat kuasa walau apapun terma kontrak yang memakai (atau bermaksud memakai) undang-undang negara lain dalam keadaan terma tersebut dianggap telah dikenakan dengan tujuan, sama ada secara keseluruhan atau

hanya sebagai tujuan utama membolehkan pihak yang mengenakannya untuk mengelak penguatkuasaan Kod ini.

1.1.5 Kod ini hendaklah dibaca bersama dengan perundangan yang berkaitan, termasuk (namun tidak terhad pada):

- (a) CMA;
- (b) Akta Perlindungan Pengguna 1999; dan
- (c) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010,

dan perundangan subsidiari dan instrumen perundangan berkenaan yang telah dikeluarkan di bawah Akta-akta tersebut.

1.1.6 Sekiranya ada percanggahan antara keperluan Kod ini dan mana-mana keperluan yang dikenakan atas Pengamal Kod oleh perundangan atau pihak berkuasa berkenaan, Pengamal Kod tidak dianggap melanggar Kod ini apabila mematuhi perundangan atau keperluan pihak berkuasa berkenaan.

1.2 Tujuan

Kod ini ialah kod perilaku yang direka untuk memastikan perkhidmatan yang baik dan hasil yang adil bagi semua Pengguna dalam penyediaan sesuatu Perkhidmatan.

1.3 Liputan

1.3.1 Kod ini hendaklah terpakai kepada orang berikut:

- (a) kesemua Pengamal Kod berlesen, setakat yang berkaitan dengan aktiviti berlesen; dan
- (b) orang atau kelas orang yang lain seperti yang diarahkan oleh MCMC dari semasa ke semasa.

1.3.2 Kod ini terpakai secara umum. Subkod hendaklah digubal untuk memenuhi keperluan khusus industri, mengikut mana yang berkenaan.

Kod ini hendaklah mengawal kesemua subkod melainkan dinyatakan sebaliknya secara tersurat dalam subkod.

1.3.3 Kod ini hendaklah berkuat kuasa sebaik sahaja didaftarkan menurut CMA.

1.3.4 Pematuhan kepada Kod ini

Pengamal Kod hendaklah mengamati perkara-perkara berikut demi memastikan pematuhan kepada Kod ini:

- (a) membangunkan dasar dan prosedur pematuhan;
- (b) memastikan bahawa dasar dan prosedur pematuhan Kod ini dihebahkan kepada pekerja dan bahawa pekerja tersebut mematuhi dasar dan prosedur pematuhan Kod ini;
- (c) membangunkan rancangan untuk mendidik pekerja tentang pematuhan kepada Kod ini;
- (d) melaksanakan struktur pengurusan bergaris untuk memantau pematuhan dasar, prosedur dan Kod ini;
- (e) melantik atau menubuhkan unit khas untuk menguruskan, menyelaras atau menangani isu-isu berkaitan pematuhan Kod;
- (f) berhubung serta berurusan dengan CFM untuk mendapatkan kemas kini Kod ini; dan
- (g) mengikut mana yang terpakai, memastikan bahawa pihak ketiga yang bekerjasama dengan Pengamal Kod dalam penyediaan sesuatu Perkhidmatan, termasuk penjual dan pembekal, diberitahu secara mencukupi tentang keperluan Kod ini dan mengambil langkah-langkah yang cukup untuk memastikan pihak ketiga tersebut mematuhi Kod ini.

1.4 Takrifan dan Tafsiran

1.4.1 Takrifan

Bagi maksud Kod ini:

CFM

bererti Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia iaitu badan industri yang dilantik sebagai forum pengguna mengikut seksyen 189 CMA.

Caj

bererti tarif atau fi yang dikenakan Pengamal Kod untuk penyediaan sesuatu Perkhidmatan atau transaksi lain berkaitan dengan penyediaan sesuatu Perkhidmatan.

CMA

bererti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Kod

bererti Kod Amalan Am Pengguna untuk Industri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, iaitu Kod kawalan sendiri industri yang disediakan di bawah Bab 1, Bahagian VIII CMA.

Pengamal Kod

bererti orang yang tertakluk di bawah Kod ini seperti yang dinyatakan dalam subfasal 1.3.1 Kod ini.

Pengguna

bererti:

- (a) seseorang individu yang memperoleh atau menggunakan, atau berniat memperoleh atau menggunakan sesuatu Perkhidmatan untuk maksud persendirian, domestik atau keluarga dan bukan untuk dijual semula; atau
- (b) suatu badan korporat atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan yang memperoleh atau menggunakan, atau berniat memperoleh atau menggunakan sesuatu Perkhidmatan sebagai pengguna akhir dan bukan untuk dijual semula, dan badan korporat atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan tersebut tidak mempunyai kesempatan yang sebenar dan munasabah untuk merundingkan terma dan syarat kontrak berkaitan mana-mana kontrak yang akan dimeterainya dengan Pengamal Kod. Demi mengelakkan keraguan, “kumpulan orang yang tidak diperbadankan” termasuk, namun tidak terhad pada, pertubuhan, koperasi, kelab dan persatuan.

Khidmat Pelanggan

bererti perkhidmatan yang dibekalkan oleh Pengamal Kod kepada seseorang Pengguna dan/atau Pelanggan, berhubung penggunaan sesuatu Perkhidmatan.

Tarikh Kuat Kuasa

bererti tarikh apabila Kod didaftarkan oleh MCMC.

Penipuan (Fraud)

bererti mencapai atau menggunakan sesuatu Perkhidmatan (atau percubaan berbuat demikian) dengan niat untuk (a) memperdaya Pengamal Kod atau mana-mana orang lain; (b) tidak membayar untuk Perkhidmatan berkaitan; (c) memperoleh laba atau kelebihan yang haram; atau (d) melakukan apa-apa pemalsuan, penipuan dan/atau niat jahat dengan apa cara jua.

Pemutusan Terpaksa

bererti penamatan sesuatu Perkhidmatan dan/atau sesuatu kontrak oleh Pengamal Kod berkenaan penyediaan sesuatu Perkhidmatan yang dimeterai dengan Pelanggan.

MCMC

bererti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Produk

bererti barang fizikal yang dibekalkan oleh Pengamal Kod atau yang pembekalannya disebabkan oleh Pengamal Kod, sebagai sebahagian penting sesuatu Perkhidmatan.

Pengehadan

bererti situasi apabila capaian kepada Perkhidmatan yang tersedia (atau salah satu aspek sesuatu Perkhidmatan) dihadkan.

Perkhidmatan

bererti sesuatu perkhidmatan rangkaian, perkhidmatan aplikasi atau perkhidmatan aplikasi kandungan seperti yang tertakrif di bawah CMA termasuk perkhidmatan selular awam dan perkhidmatan capaian jalur lebar dan mengikut mana-mana yang berkenaan, juga termasuk sesuatu Produk, yang dibekalkan oleh Pengamal Kod.

Pelanggan

bererti seseorang Pengguna yang memasuki kontrak dengan Pengamal Kod berkenaan sesuatu Perkhidmatan.

Penggantungan

bererti sekatan atas capaian pada sesuatu Perkhidmatan, yang termasuk, namun tidak terhad pada, membuat panggilan keluar, mengirim mesej keluar dan mencapai internet jalur lebar, oleh Pengamal Kod.

Hari Bekerja

bererti hari apabila bank komersial buka untuk berniaga di dalam negeri

tempat Pengamal Kod berkenaan berada.

1.4.2 Tafsiran

Dalam Kod ini, melainkan niat sebaliknya ketara:

- (a) sebarang rujukan pada peruntukan perundangan hendaklah termasuk peruntukan itu dan apa-apa peraturan yang digubal bawahnya seperti yang dipinda dari semasa ke semasa;
- (b) rujukan pada fasal dan subfasal hendaklah merujuk kepada fasal dan subfasal Kod ini;
- (c) judul hanya untuk kemudahan dan tidak memberikan kesan terhadap penafsiran Kod ini;
- (d) perkataan yang membawa erti tunggal hendaklah termasuk erti majmuk dan demikianlah sebaliknya;
- (e) perkataan yang membawa erti jantina lelaki hendaklah termasuk perempuan serta tiada jantina dan demikianlah sebaliknya;
- (f) sekiranya sesuatu perkataan atau frasa diberikan takrifan, maka bentuk tatabahasanya yang lain mempunyai erti yang sepadan;
- (g) apa-apa yang disebut selepas perkataan “termasuk” tidak mengehendkan apa-apa yang diliputi; dan
- (h) rujukan pada orang termasuk:
 - (i) individu, firma, badan korporat atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan, kerajaan atau pihak berkuasa atau agensi kerajaan, separa kerajaan atau tempatan; dan
 - (ii) wasi, pentadbir, pengganti, ejen, pemegang serah hak dan penerima novasi orang itu.

2. PRINSIP-PRINSIP ASAS

2.1 Am

- 2.1.1 Bahagian 2 ini menyatakan prinsip-prinsip asas yang mesti dipatuhi Pengamal Kod apabila berurusan dengan Pengguna, termasuk Pengguna berkeperluan khas.

2.2 Urusan dengan Pengguna

- 2.2.1 Pengamal Kod hendaklah memberi Pengguna maklumat tentang Perkhidmatan yang mencukupi, tepat, benar, terkini dan dalam bahasa yang mudah dan terus-terang; serta dengan cara yang memenuhi keperluan komunikasi Pelanggan termasuk Pengguna berkeperluan khas.
- 2.2.2 Pengamal Kod hendaklah mempunyai proses yang memadai demi memastikan Pengguna disantuni dengan cara yang adil dan munasabah.
- 2.2.3 Bagi memastikan Pengamal Kod menyediakan Khidmat Pelanggan pada tahap munasabah untuk Pengguna, Pengamal Kod hendaklah memastikan bahawa para pekerja dilatih untuk menangani pertanyaan dan aduan, dan dasar dan prosedur telah digubal dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:
- (a) ketersediaan maklumat, supaya Pengguna diberitahu tentang cara Pengamal Kod boleh dihubungi dan waktu operasi yang berkaitan dengan setiap cara perhubungan tersebut; dan
 - (b) menangani pertanyaan dan aduan, tanpa berlengah dan secara berkesan.
- 2.2.4 Pengamal Kod hendaklah menilai prestasi Khidmat Pelanggannya, iaitu merangkumi langkah-langkah berikut:

- (a) meminta dan mendapatkan maklum balas daripada Pengguna tentang cara Pengamal Kod menangani pertanyaan dan aduan; dan
- (b) menggunakan maklum balas ini untuk mengenal pasti sebarang isu dalam sistem dan mengambil langkah munasabah untuk melaksanakan penambahbaikan proses Khidmat Pelanggannya.

2.3 Pengguna Berkeperluan Khas

2.3.1 Fasal 2.3 terpakai atas Pengamal Kod apabila berurusan dengan Pengguna berkeperluan khas, iaitu:

- (a) orang kurang upaya seperti yang tertakrif di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008, yang memegang kad Orang Kurang Upaya yang sah dan dikeluarkan menurut Akta itu; atau
- (b) warga emas, iaitu orang berusia 60 tahun ke atas.

2.3.2 Pengamal Kod hendaklah memberi Pengguna berkeperluan khas maklumat dengan cara supaya maklumat itu boleh digunakan oleh Pengguna untuk membuat keputusan termaklum sebelum memasuki kontrak dengan Pengamal Kod.

2.3.3 Pengamal Kod hendaklah memastikan bahawa:

- (a) pelantikan Wakil Diberikan Kuasa mengambil kira sama ada pemberian kuasa tersebut telah dibuat secara sah, dan apabila perlu, dokumen sokongan untuk membuktikan bahawa pemberian kuasa itu telah dibuat secara sah boleh dimohon daripada Wakil Diberikan Kuasa;
- (b) Wakil Diberikan Kuasa memberi Pengamal Kod surat pemberian kuasa, yang hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh CFM dan memberikan kuasa kepada Wakil Diberikan Kuasa untuk bertindak bagi pihak Pengguna berkeperluan khas;

- (c) Pengguna berkeperluan khas mampu menggunakan proses pengendalian aduan dan boleh diwakili oleh Wakil Diberikan Kuasa semasa membuat aduan; dan
- (d) jika Pengguna berkeperluan khas membuat permohonan khusus bagi mendapatkan bantuan untuk mendaftarkan aduan, Pengamal Kod berupaya menghulurkan apa-apa bantuan yang munasabah.

2.3.4 Bagi maksud subfasal 2.3.3 di atas, istilah “Wakil Diberikan Kuasa” merujuk kepada seseorang yang mempunyai kuasa sah (sebagai contoh, daripada Pengguna berkeperluan khas, mahkamah, peguam atau agensi kerajaan berkenaan) untuk berurusan dengan Pengamal Kod bagi pihak Pengguna itu selaku ejen diberikan kuasa.

3 MAKLUMAT UNTUK PENGGUNA

Bahagian ini menyatakan keperluan berkaitan bagaimana maklumat tentang sesuatu Perkhidmatan patut dihebahkan kepada Pengguna.

3.1 Pengiklanan

3.1.1 Bagi maksud fasal 3.1, istilah “Bahan Pengiklanan” merujuk kepada bahan pengiklanan dan promosi berkaitan sesuatu Perkhidmatan termasuk, tanpa terhad pada:

- (a) mel terus;
- (b) risalah;
- (c) poster;
- (d) iklan rencana;
- (e) iklan surat khabar dan majalah;
- (f) siaran media;
- (g) papan isyarat;
- (h) papan iklan;
- (i) iklan radio;
- (j) iklan televisyen;
- (k) iklan pawagam;
- (l) pengiklanan digital;
- (m) video promosi;
- (n) bahan laman web;
- (o) mel elektronik;
- (p) kumpulan berita elektronik;
- (q) sistem pesanan ringkas (SMS);
- (r) kios maklumat; dan/atau
- (s) bahan bungkusan.

3.1.2 Pengamal Kod hendaklah memastikan bahawa Bahan Pengiklanan mematuhi kesemua undang-undang, peraturan, piawaian, garis panduan dan kod terpakai yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan.

3.1.3 Pengamal Kod juga hendaklah mematuhi keperluan berikut dalam penyediaan, penerbitan dan penghebahan Bahan Pengiklanan:

(a) Gambaran tentang Perkhidmatan

- (i) Sebarang pemerian, dakwaan dan perbandingan yang dibuat melalui Bahan Pengiklanan yang berhubung dengan fakta yang dapat ditentusahkan secara objektif hendaklah berupaya dibuktikan sedemikian.
- (ii) Bila-bila boleh dilaksanakan, Pengamal Kod hendaklah menzahirkan dalam kesemua Bahan Pengiklanan, jenama yang dipakai Pengamal Kod untuk menjalankan perniagaannya serta maklumat perhubungannya.

(b) Ketersediaan Perkhidmatan

- (i) Pengamal Kod hendaklah membekalkan Perkhidmatan seperti yang digambarkan dalam Bahan Pengiklanan.
- (ii) Pengamal Kod hendaklah menerangkan dalam Bahan Pengiklanan yang mempromosikan ketersediaan sesuatu Perkhidmatan, sebarang had geografi atau teknikal atas ketersediaan sesuatu Perkhidmatan kepada Pengguna yang:
 - (a) memberikan kesan besar terhadap prestasi Perkhidmatan; dan
 - (b) diketahui Pengamal Kod.

Contoh penerangan tersebut termasuk, namun tidak terhad kepada:

- “Sila hubungi XYZ untuk maklumat lanjut.”
- “Tertakluk kepada terma dan syarat.”
- “Sila layari laman web kami (www.cfm.org.my) untuk maklumat lanjut.”

- “Tertakluk kepada ketersediaan perkhidmatan”.
- (iii) Golongan Pengguna layak yang terbatas: Jika sesetengah tawaran untuk sesuatu Perkhidmatan dipromosikan dalam Bahan Pengiklanan namun hanya boleh dilanggan oleh segolongan orang, Pengamal Kod hendaklah menjelaskan sifat terbatas tawaran itu.
- (c) Penafian
- (i) Pengamal Kod hendaklah menyatakan secara jelas sebarang penafian dalam tawaran yang dibuatnya:
- (a) sebelah tawaran itu;
 - (b) melalui nota kaki bertanda bintang yang terpaut dan berhampiran dengan tawaran itu; atau
 - (c) dalam Bahan Pengiklanan televisyen atau radio, sebagai sebahagian daripada iklan itu.
- (ii) Pengamal Kod hendaklah memastikan bahawa penafian dalam Pengiklanan untuk sesuatu Perkhidmatan yang dibekalnya:
- (a) ditunjuk dengan jelas dan mudah dilihat;
 - (b) mudah dibaca;
 - (c) tertera dalam saiz fon yang munasabah dengan mengambil kira jenis fon yang digunakan; dan
 - (d) mudah difahami, dengan mengambil kira sifat iklan itu, wadah yang digunakan untuk menyampaikannya dan jenis khalayak yang mungkin menerima iklan itu.
- (iii) Pengamal Kod tidak boleh menggunakan penafian untuk menafikan isi utama Bahan Pengiklanan.

- (iv) Pengamal Kod hendaklah membuat pengiklanan dalam cara yang membolehkan Pengguna, secara munasabah, membezakan antara terma dan syarat kontrak dengan aktiviti pemasaran dan promosi.
- (d) Dakwaan Penjimatan
- (i) Istilah “Dakwaan Penjimatan” merujuk kepada sesuatu kenyataan yang membawa maksud bahawa Pengguna dapat mengurangkan perbelanjaan apabila melanggan sesuatu Perkhidmatan atau menggunakan sesuatu Pengamal Kod berbanding jika mereka tidak berbuat sedemikian.
 - (ii) Peruntukan-peruntukan berikut terpakai atas Dakwaan Penjimatan termasuk yang melibatkan tawaran percuma, tawaran istimewa bawah harga pasaran dan tawaran penggunaan percuma:
 - (a) Pengamal Kod tidak boleh membuat Dakwaan Penjimatan dalam apa-apa Bahan Pengiklanan kecuali jika pernyataan itu benar dan setiap kesimpulan munasabah yang boleh dibuat tentang penjimatan, berdasarkan Bahan Pengiklanan itu, boleh dibuktikan;
 - (b) Pengamal Kod hendaklah menjelaskan dalam Bahan Pengiklanan apa-apa syarat asas yang perlu dipenuhi Pengguna sebelum layak mendapatkan apa-apa Dakwaan Penjimatan;
 - (c) Dakwaan Penjimatan bersifat am contoh “jimat wang” atau “anda akan jimat” boleh digunakan hanya jika kesemua Pengguna dapat berjimat bawah tawaran itu. Dalam keadaan ini, Pengamal Kod hendaklah mengkhususkan mana-mana Perkhidmatan, kadar atau hal lain yang menjadi asas Dakwaan Penjimatan tersebut;
 - (d) sekiranya Dakwaan Penjimatan hanya terpakai atas golongan Pengguna tertentu, kelayakan hendaklah dinyatakan dengan jelas;

- (e) sekiranya capaian terhadap sesuatu Perkhidmatan dipromosikan dalam mana-mana Bahan Pengiklanan sebagai percuma atau bawah harga pasaran, tetapi Caj tambahan dikenakan untuk menggunakan Perkhidmatan tersebut, Pengamal Kod hendaklah menerangkan Caj tambahan itu;
 - (f) Pengamal Kod tidak boleh mengiklankan sesuatu Perkhidmatan sebagai “percuma” melainkan terma dan syarat asas tawaran percuma itu yang berkaitan dengan fi dan Caj diterangkan dalam Bahan Pengiklanan. Contohnya sebarang tawaran penggunaan percuma sesuatu Perkhidmatan yang hanya boleh digunakan dalam tempoh tertentu hendaklah dinyatakan secara jelas dalam Bahan Pengiklanan;
 - (g) sekiranya Pengamal Kod menggunakan istilah “tidak terhad” atau istilah lain yang sepadan dalam Bahan Pengiklanan, Pengamal Kod hendaklah memastikan bahawa terma dan syarat yang mengawal ketersediaan Perkhidmatan “tidak terhad” itu disediakan untuk tatapan Pengguna; atau
 - (h) Pengamal Kod tidak boleh menaikkan harga Perkhidmatan secara mendadak di samping tawaran percuma atau istimewa itu dengan tujuan hendak menampung sebahagian atau kesemua kos tawaran percuma atau istimewa tersebut.
- (e) Iklan Perbandingan
- (i) Istilah “Iklan Perbandingan” merujuk kepada iklan yang membuat perbandingan antara sesuatu Perkhidmatan dan Perkhidmatan lain yang serupa (sama ada ditawarkan oleh Pengamal Kod yang lain ataupun tidak) dengan tujuan menggalakkan Pengguna memilih Perkhidmatan tertentu.
 - (ii) Iklan Perbandingan dibolehkan demi kepentingan persaingan sihat dan makluman

awam, dengan syarat mematuhi terma Bahagian ini dalam Kod ini.

- (iii) Semua Iklan Perbandingan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip persaingan wajar dan hendaklah direka supaya perbandingan itu tidak mengelirukan para Pengguna, sama ada berkenaan sesuatu Perkhidmatan yang diiklankan atau Perkhidmatan lain yang dibandingkan itu.
- (iv) Perkara yang dijadikan perbandingan tidak boleh dipilih semata-mata untuk menunjukkan kelebihan yang dibuat-buat tentang Pengamal Kod yang mengiklan atau untuk mengesyorkan seolah-olah ada kelebihan padahal sebenarnya tiada.
- (v) Titik perbandingan hendaklah berdasarkan fakta yang boleh dibuktikan dan tidak boleh dipilih secara tidak wajar. Khususnya:
 - (a) asas perbandingan hendaklah sama buat semua Perkhidmatan yang dibandingkan dan hendaklah diterangkan dalam Iklan Perbandingan itu supaya jelas bahawa perbandingan sepadan telah dibuat; dan
 - (b) sekiranya sesuatu Perkhidmatan oleh Pengamal Kod yang mengiklan disenaraikan dan dibandingkan dengan Perkhidmatan Pengamal Kod yang lain, perbandingan tersebut hendaklah merupakan perbandingan yang lengkap antara kesemua Perkhidmatan serupa yang ada di pasaran. Jika perbandingan itu tidak lengkap, Bahan Pengiklanan hendaklah menyatakan dengan jelas bahawa Perkhidmatan yang tersenarai adalah yang dipilih sahaja.

3.2 Pemberian Maklumat

- 3.2.1 Pengamal Kod hendaklah menyediakan rumusan tentang tawaran yang dibuat berkaitan dengan sesuatu Perkhidmatan supaya Pengguna dapat membandingkan tawaran yang diberikan oleh setiap Pengamal Kod, iaitu dipanggil rumusan maklumat mustahak, dan rumusan tersebut hendaklah memuatkan maklumat berikut:
- (a) Gambaran tentang sesuatu Perkhidmatan: Maklumat tentang Perkhidmatan yang akan dibekalkan bawah tawaran itu. Sekiranya Perkhidmatan itu dibekalkan secara pukal dengan Perkhidmatan dan/atau Produk lain, maka maklumat tentang Perkhidmatan dan/atau Produk lain itu yang perlu dibeli, serta harga setiap Perkhidmatan atau Produk itu jika dibeli berasingan, hendaklah diberikan. Penggunaan jargon teknikal hendaklah dielakkan, kecuali apabila perlu;
 - (b) Terma: Tempoh minimum bagi sesuatu Perkhidmatan, tempoh minimum kontrak lanjutan serta tempoh notis minimum yang dikenakan atas Pelanggan sebelum Pelanggan itu dapat menguatkuasakan hak penamatan bawah kontrak berkenaan;
 - (c) Had sesuatu Perkhidmatan: Ciri-ciri yang terangkum atau yang dikecualikan serta apa-apa syarat penting termasuk peta liputan, had, Pengehadan atau penerangan, jika terpakai, hendaklah dinyatakan secara jelas;
 - (d) Caj:
 - (i) Caj yang dikenakan untuk sesuatu Perkhidmatan bawah tawaran itu, kekerapan Caj itu dan sebarang Caj yang mungkin berubah semasa tempoh kontrak. Sekiranya ada Caj lain berkaitan sesuatu Perkhidmatan yang dikenakan termasuk atas kelewatan pembayaran, kegagalan pembayaran, penyambungan semula Perkhidmatan dan Caj penamatan awal, maka maklumat tersebut juga hendaklah dimaklumkan kepada Pengguna;

- (ii) jika sesuatu Perkhidmatan mungkin memerlukan Perkhidmatan Pengamal Kod yang lain, Pengamal Kod itu hendaklah memberitahu Pengguna tentang apa-apa syarat atau Caj tambahan yang akan dikenakan oleh Pengamal Kod lain itu ke atas Pengguna untuk Perkhidmatan lain itu; dan
- (iii) jika Pengamal Kod membenarkan caj pengebilan langsung (*direct carrier billing*), Pengamal Kod hendaklah memberitahu Pengguna bahawa Caj yang dikenakan atas Pengguna mungkin termasuk Caj yang dikenakan oleh pihak ketiga untuk perkhidmatan yang dibeli atau dilanggan oleh Pengguna daripada pihak ketiga itu, dan menyarankan agar Pengguna membaca terma dan syarat yang terpakai untuk perkhidmatan tersebut.

(e) Maklumat perhubungan Khidmat Pelanggan.

3.2.2 Pengamal Kod dikehendaki untuk memastikan bahawa rumusan maklumat mustahak dinyatakan dalam bentuk ringkas dan bertulis. Rumusan itu hendaklah dalam bentuk yang mudah dicapai oleh Pengguna, dan mestilah diberikan kepada Pengguna sebelum penjualan, melalui mana-mana kaedah berikut:

- (a) melalui kaedah elektronik; atau
- (b) melalui apa-apa kaedah yang ditentukan Pengamal Kod sewajarnya untuk hebahan kepada Pengguna.

3.2.3 Permohonan untuk sebarang maklumat, baik yang diliputi Bahagian ini mahupun tidak:

- (a) hendaklah dijawab oleh Pengamal Kod dalam tujuh (7) Hari Bekerja dari tarikh penerimaan permohonan tersebut; dan
- (b) hendaklah tanpa kos dikenakan, melainkan permohonan maklumat tersebut boleh dikenakan Caj mengikut undang-undang.

- 3.2.4 Pengamal Kod boleh membangunkan strategi untuk memenuhi keperluan maklumat asas Pengguna, contohnya suatu pangkalan data soalan kerap ditanya.

4 TERMA DAN SYARAT KONTRAK

4.1 Sebelum Memasuki Sesuatu Kontrak

- 4.1.1 Pengamal Kod atau melalui wakil penjual sahnyanya hendaklah memastikan bahawa semua maklumat berkaitan dengan Pelanggan yang diperlukan menurut mana-mana perundangan, peraturan, kod, piawaian, garis panduan, ketetapan atau arahan terpakai, diperoleh secara memadai bagi maksud memasuki sesuatu kontrak dengan Pelanggan untuk penyediaan sesuatu Perkhidmatan.
- 4.1.2 Pengamal Kod hendaklah memaklumkan kepada Pelanggan tentang kewajipannya dan akibat yang akan timbul daripada pelanggaran kewajipannya di bawah apa-apa kontrak yang dimeterai antara Pengamal Kod dengan Pelanggan.

4.2 Penyampaian Terma dan Syarat Kontrak

- 4.2.1 Terma dan syarat kontrak untuk penyediaan sesuatu Perkhidmatan kepada Pelanggan hendaklah tertulis dalam bahasa yang mudah difahami serta dibaca.
- 4.2.2 Terma dan syarat kontrak untuk penyediaan sesuatu Perkhidmatan hendaklah disediakan untuk Pelanggan secepat mungkin secara munasabah selepas Pelanggan telah memersetujui terma dan syarat kontrak tersebut.

4.3 Terma dan Syarat

- 4.3.1 Pengamal Kod hendaklah memastikan bahawa terma dan syarat merangkumi maklumat berikut dalam bentuk yang jelas, menyeluruh dan mudah dicapai:
 - (a) nama Pengamal Kod yang memeterai kontrak dengan Pelanggan berkaitan dengan penyediaan sesuatu Perkhidmatan yang diliputi oleh kontrak itu;

- (b) tarikh mula kontrak itu;
- (c) tempoh kontrak itu serta apa-apa syarat untuk pelanjutan, pembaharuan dan penamatan (termasuk penamatan awal) Perkhidmatan dan kontrak itu, termasuk sebarang penggunaan atau tempoh minimum yang diperlukan dan apa-apa Caj yang dikenakan atas penamatan kontrak itu;
- (d) pemerian Perkhidmatan yang dibekalkan termasuk Perkhidmatan sampingan yang asas, Perkhidmatan nilai tambahan, atau peralatan yang dibeli Pengguna daripada Pengamal Kod untuk digunakan bersama dengan Perkhidmatan itu;
- (e) perincian Caj yang perlu dibayar untuk sesuatu Perkhidmatan serta sebarang Caj lain yang perlu dibayar yang tidak disebut secara khusus dalam kontrak itu, termasuk sebarang jumlah deposit dan keadaan untuk pemulangan deposit itu, sebarang jumlah bayaran pendahuluan dan keadaan untuk pemulangan bayaran pendahuluan itu atau penolakannya daripada Caj itu, apa-apa Caj yang boleh diketepikan dan keadaan apabila Caj itu boleh diketepikan, semua Caj untuk persediaan dan pemasangan Perkhidmatan itu, dan apa-apa Caj lanjutan jika penggunaan Pelanggan melebihi had Perkhidmatan yang berhubung dengan Caj asal tersebut;
- (f) maklumat tentang pembayaran seperti kaedah pembayaran yang ditawarkan dan sebarang fi pengurusan atau pemprosesan, serta tarikh akhir pembayaran;
- (g) maklumat tentang sebarang syarat yang mengehadikan capaian kepada dan penggunaan, sesuatu Perkhidmatan;
- (h) terma dan syarat berkaitan dengan pemutusan dan penyambungan semula, serta Caj untuk penyambungan semula;
- (i) terma dan syarat berkaitan dengan pemulangan deposit (jika terpakai);

- (j) syarat-syarat berkaitan keadaan yang mengakibatkan Pengehadan, Penggantungan atau Pemutusan Terpaksa;
- (k) terma dan syarat berkaitan prosedur dan kaedah untuk meminda atau mengubah mana-mana terma dan syarat oleh Pengamal Kod, dan aturan untuk melaksanakan perubahan tersebut.

4.4 Terma dan Syarat Selain Daripada yang Bertulis

- 4.4.1 Sekiranya sesuatu kontrak dimasuki selain daripada yang bertulis, Pengamal Kod hendaklah dalam jangka masa munasabah selepas itu menyediakan kontrak bertulis untuk Pelanggan. Demi mengelakkan keraguan, kontrak bertulis boleh juga dalam bentuk salinan lembut atau sebarang format digital.
- 4.4.2. Fasal 4.4 tidak terpakai dalam keadaan Perkhidmatan baharu yang dilanggan kemudian sebagai tambahan atas Perkhidmatan utama di bawah kontrak sama yang sedia ada, dengan syarat bahawa Pengamal Kod hendaklah memberikan cara yang munasabah supaya Pelanggan dapat menyemak terma dan syarat kontrak bagi Perkhidmatan itu seperti yang disebut dalam fasal 4.3 termasuk apa-apa terma khusus yang terpakai atas seseorang Pelanggan, sebelum Pelanggan itu melanggan Perkhidmatan baharu itu.

4.5 Pindaan dan Pembaharuan

- 4.5.1 Sekiranya sesuatu kontrak mengandungi peruntukan-peruntukan yang membenarkan Pengamal Kod meminda atau membaharui terma dan syarat kontrak, peruntukan-peruntukan itu hendaklah mengandungi ciri-ciri berikut:
 - (a) terma dan syarat yang boleh dipinda atau dibaharui oleh Pengamal Kod; dan
 - (b) sekiranya pindaan atau pembaharuan itu akan mengakibatkan kenaikan Caj, atau memberikan kesan yang berat dan buruk terhadap sesuatu Perkhidmatan:

- (i) Pengamal Kod hendaklah memberitahu Pelanggan yang akan terkesan, tentang perubahan itu dengan memberikan notis bertulis terdahulu kepada Pelanggan tersebut tidak kurang daripada lima belas (15) Hari Bekerja sebelum membuat perubahan itu;
- (ii) Pelanggan hendaklah dibenarkan untuk menamatkan kontrak itu melalui notis bertulis sebelum pindaan atau pembaharuan itu berkuat kuasa, tanpa Pelanggan itu dikenakan sebarang Caj walau apa pun jenisnya untuk penamatan itu (selain daripada kos sampingan) jika:
 - (a) terdapat sebarang kenaikan Caj, termasuk Caj yang wajib dikenakan untuk meneruskan penggunaan sesuatu Perkhidmatan oleh Pelanggan; atau
 - (b) Pelanggan dapat menunjukkan bahawa pindaan atas terma kontrak atau pembaharuan akan mengakibatkan kesan yang berat dan buruk terhadap sesuatu Perkhidmatan yang telah diperolehinya; dan
 - (c) melainkan, setelah diberitahu tentang pembaharuan atau pindaan itu menurut subperenggan 4.5.1(b)(i), Pelanggan pun secara tersurat mempersetujui pindaan atau pembaharuan itu atau terus menggunakan perkhidmatan itu selepas pemberitahuan tersebut. Demi mengelakkan keraguan, tiada apa-apa dalam fasal ini yang menghalang Pelanggan daripada menamatkan kontrak menurut terma dan syarat kontrak itu.

4.5.2 Pengamal Kod boleh, mengikut budi bicaranya sendiri, memberikan salinan pindaan kontrak sahaja dan tidak perlu memberikan keseluruhan kontrak, apabila seseorang Pelanggan meminta salinan kontrak itu, jika Pelanggan itu pernah diberikan salinan kontrak yang telah dikemas kini.

5 PENGEBILAN

Untuk tujuan Bahagian 5 ini:

Bil

Bil bermaksud, penyata yang dikeluarkan oleh Pengamal Kod tertakluk kepada jumlah amaun yang dinyatakan pelanggan yang perlu dibayar semasa tempoh pengebilan.

Force Majeure

